



Ruj Kami : JANM.JHR.600-1/3/14 Jld.3 (07)

Tarikh : 5 Ogos 2026

21 Safar 1448H

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN
DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICES RECEIVED NOTES (GRN) /
FULLFILLMENT RECEIVE NOTES (FRN)) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 31
JULAI 2026**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023, Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk melaksanakan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan iaitu merangkumi semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN). Sekiranya terdapat kesilapan pada GRN/FRN, item tersebut hendaklah dikuiri dan jika memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Bagi pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui Modul Perolehan di dalam sistem iGFMAS.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Senarai Nota Terimaan Bekalan Dan Perkhidmatan (*Goods/Services Received Notes (GRN) / Fullfillment Receive Notes (FRN)*) sehingga 31 Julai 2026 untuk semakan pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dan mohon dilengkapi status pembayaran **selewat-lewatnya pada 21 Ogos 2026** di pautan <https://tinyurl.com/5n9ae5j5> Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pegawai Unit Pengurusan Dana, Puan Anuratha a/p Khatheresen atau Puan Sharina Binti Sharin di talian 07-2249244 samb.1052/1048 atau e-mel kepada dana_jhr@anm.gov.my.

Ruj Kami : JANM.JHR.600-1/3/14 Jld.3 (07)

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menandatangani amanah,



(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI C.A.(M), CPFA (UK), CPA (Aust.))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor